

OIC mesti beri Israel isyarat jelas

BH 11 NOV 2000

Daripada Mahfar Ali

DOHA, Jumaat - Malaysia mahu Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengambil langkah lebih tegas supaya Israel dan penyokong rejim Yahudi itu mendapat isyarat jelas berhubung pendirian dan kesungguhan OIC untuk menamatkan keganasan di Palestin.

Sehubungan itu, Malaysia menyokong desakan supaya ditubuhkan segera satu mekanisme untuk mempercepatkan siasatan berhubung tindakan melampau Israel menggunakan kekerasan terhadap penduduk Palestin.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia turut menyokong penubuhan Tribunal Jenayah Antarabangsa khusus untuk mendakwa penjenayah perang Israel yang terlibat dalam pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin di wilayah yang diduduki.

Selain itu, Malaysia menyokong

penyertaan Palestin sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pemulauan negara Islam terhadap Israel dan pelaksanaan program bantuan untuk rakyat Palestin.

"Sokongan berterusan Malaysia terhadap Palestin turut disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam siri pertemuan dengan pemimpin berpengaruh termasuk anggota Majlis Keselamatan dan Setiausaha Agung PBB.

"Mereka diminta menggunakan kedudukan masing-masing untuk mendesak Israel menamatkan permusuhan dengan Palestin dan mewujudkan keamanan yang komprehensif, adil serta kekal berdasarkan resolusi Majlis Keselamatan PBB," katanya pada mesyuarat persiapan peringkat menteri sempena sidang kemuncak OIC, di sini hari ini.

Dalam mesyuarat yang bermula sejak semalam itu, menteri luar

56 anggota OIC menumpukan perbincangan berhubung isu Palestin dan diberi gambaran mengenai perkembangan semasa di wilayah yang diduduki Israel.

Keganasan terbaru regim Yahudi itu sejak enam minggu lalu menyebabkan lebih 200 penduduk Palestin, termasuk kanak-kanak terkorban, hingga mencetuskan bantahan dan kemarahan umat Islam seluruh dunia.

Isu itu juga dijangka mendapat perhatian serius ketua negara OIC yang akan mengadakan pertemuan bermula Ahad ini.

Malah, keputusan Qatar menutup pejabat perdagangannya di Israel turut dilihat sebagai isyarat awal OIC untuk memberi tekanan terhadap rejim Yahudi supaya menghentikan segera keganasan di Palestin.

Sebelum ini, beberapa negara Arab termasuk Arab Saudi mengancam untuk memulaukan sidang itu jika Qatar tidak memu-

tuskan hubungan dagang dengan Israel.

Berikutan ancaman itu dan atas semangat perpaduan negara Islam, Qatar dilaporkan berse-tuju menutup pejabat dagangannya di Israel. Pada sidang kemuncak kesembilan ini, Qatar akan mengambil alih jawatan Pengerusi OIC dari Iran.

Sementara itu, Dr Mahathir yang dijangka tiba di sini esok, akan berucap mewakili kumpulan Asia pada hari pertama sidang tiga hari itu.

Sempena kunjungannya ke sini, Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan beberapa pemimpin Islam termasuk Presiden Palestin, Yasser Arafat.

Ulama terkemuka Prof Dr Yusuf Qardawi turut dijadual mengunjungi Perdana Menteri sebelum Dr Mahathir mengadakan dialog dengan ahli perniagaan serta intelektual Islam.